

UMS gerakkan misi bantuan pasca banjir

NSR 6.1.2015 5
KOTA BELUD: Banjir yang melanda kawasan di pantai barat Sabah terutamanya di Kota Belud dan Beaufort mendapat perhatian daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah apabila beliau menggerakkan jentera sukarelawan mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir yang terlibat.

Menurut Datuk Harun, sukarelawan yang melibatkan 20 kakitangan dan 80 pelajar UMS ini memulakan misi awal dengan mengumpulkan keperluan asas seperti beras, susu, air mineral dan sebagainya.

"UMS sentiasa bersedia siaga membantu masyarakat yang ditimpa bencana banjir seperti yang berlaku di beberapa kawasan kerana kita turut bertanggungjawab membantu mengurangkan kesukaran yang dialami mangsa banjir," jelas Harun ketika ditemui di Dewan Masyarakat Tun Said Keruak, Kota Belud kelmarin.

Simbolik penyerahan bantuan yang disampaikan Harun kepada Penolong Pegawai Daerah Kota Belud, Peter Jiton turut disaksikan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin di dewan tersebut.

Harun yang mengetuai misi bantuan pasca banjir UMS di daerah tersebut berkata, selain dari mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir, situasi dan kerosakan yang diakibatkan banjir juga boleh dilihat sendiri.

"Bukan sekadar bantuan berbentuk material yang kita sumbangkan sebagaimana yang kita lakukan hari ini tetapi kita juga akan sentiasa membuat tindakan susulan terutamanya terhadap psikologi dan emosi mangsa banjir yang pastinya tergugat ekoran musibah yang melanda mereka."

"Saya juga memuji usaha dan tenaga yang dicurahkan para pelajar UMS yang sanggup meluangkan masa untuk bersama-sama secara sukarela membantu misi ini," jelas Harun lagi.

Harun sempat berkunjung ke Kg. Lingkodon melawat dari rumah ke rumah penduduk yang dinaiki air sambil menyerahkan bungkusan makanan.

Menurut salah seorang penduduk kampung yang ditemui, Selamat Soor, 45, menceritakan air sungai naik sangat cepat. Begitupun katanya, kenderaan penduduk dapat dialihkan ke tempat yang lebih tinggi kerana mereka telah bersedia sedia lebih awal.

"Kami sangat berterima kasih dengan keprihatinan yang ditunjukkan UMS dalam membantu kesulitan kami selepas banjir," katanya yang turut terharu dengan penglibatan UMS membantu mengurangkan beban yang ditanggung mereka.

Di Kg. Tanjung Pasir Labuan pula, seramai 60 mangsa banjir masih berlindung di surau kampung berkenaan.

Sebanyak 60 bungkusan makanan diserahkan Harun kepada wakil penduduk iaitu Pengerusi JKK Kg. Tanjung Pasir Labuan, Jelin Sidum.

Menurut Jelin, walaupun banjir telah surut, beberapa rumah masih digenangi air.


"Bagi pihak penduduk kampung yang terlibat banjir, kami berterima kasih dengan bantuan yang diberikan ini," jelas Jelin.



CERITAKAN... Selamat (kanan) menceritakan situasi banjir yang dialaminya kepada Harun di Kg. Lingkodon.



TERIMA... Wakil penduduk, Jelin menerima bantuan makanan daripada Harun di serau Kg. Tanjung Pasir Labuan yang masih menempatkan seramai 60 mangsa banjir.



KUNJUNGI... Harun (empat dari kanan) berkunjung dari rumah ke rumah penduduk Kg. Lingkodon menyerahkan sumbangan.



SERAHKAN... Dr Harun menyerahkan sumbangan kepada Peter disaksikan Rosnah (tengah) di Dewan masyarakat Tun Said Keruak, Kota Belud.